

Women - Achievement
Pg. 11 - 21
Dewan Masyarakat Julai 2006



RMK-9 PERANAN, PELUANG, DAN CABARAN WANITA

(Bahagian 1)

Pengertian Pembangunan

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang berteraskan Misi Nasional ialah rancangan pembangunan sosioekonomi untuk tempoh lima tahun. Pelaksanaan RMK-9 perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh memandangkan Malaysia mempunyai masa kurang daripada 15 tahun sebelum sampai ke garisan penamatnya, Wawasan 2020.

Dalam mana-mana negara, agenda pembangunan dianggap sebagai cabaran yang kompleks. Hal ini demikian kerana pembangunan mengadunkan berbagai-bagai pemboleh ubah (*variables*) ekonomi untuk mencari pertumbuhan. Dari perspektif ekonomi neoklasik, pembangunan merujuk kepada utilitarianisme.

SUMBANGAN wanita sekarang bukan setakat mengurus keluarga.

Faktor Modal Insan dalam Pembangunan

Mulai awal dekad 1990-an, falsafah pembangunan menekankan aspek sosioekonomi yang lebih menyeluruh. Pembangunan modal insan atau sumber manusia mula dianggap sebagai salah satu elemen penting pembangunan. Manusia bukan lagi dianggap sebagai makhluk ekonomi tetapi juga modal insan yang merencanakan sosial, politik dan kebudayaan

Amartya Sen, ahli ekonomi dan penerima Anugerah Nobel pada 1998, mengemukakan landasan teoretikal pembangunan modal insan dalam kerangka pembangunan sosioekonomi. Menurutnya, pembangunan yang berpusat harus mengambil kira pembangunan modal insan agar keupayaan produktiviti manusia dapat digilap. Pembangunan modal insan itulah yang dapat menentukan pertumbuhan ekonomi yang mapan.

RMK-9 yang berlandaskan lima teras utama Misi Nasional, berpaut pada falsafah pembangunan modal insan sebagai elemen ekonomi yang amat penting. Separuh daripada 26.75 juta modal insan di negara ini terdiri daripada golongan wanita.

Peranan Wanita dalam Pembangunan Sosioekonomi

Sebelum menyelami RMK-9 untuk mengenali pasti kedudukan wanita dalam agenda besar negara itu, wajar difahami terlebih dahulu peranan wanita dalam proses pembangunan sosioekonomi sesebuah negara.

Beberapa kajian, terutama yang dijalankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan agensi di bawahnya menunjukkan bahawa:

- Pembangunan sosioekonomi sesebuah negara tidak akan berdaya maju sekiranya lelaki dan wanita tidak bersama untuk menjayakan program pembangunan.
- Dalam masyarakat berteraskan ilmu dan teknologi, tenaga kerja lelaki dan wanita diperlukan untuk kepentingan pembangunan.
- Dunia k-ekonomi membantu meningkatkan keupayaan wanita dalam semua aspek pembangunan. Peningkatan potensi pengeluaran turut dipengaruhi oleh penglibatan wanita.
- Dalam dunia k-ekonomi, pembangunan teknologi merupakan penentu utama peningkatan produktiviti dan daya saing dalam semua sektor. Wanita terlibat aktif dalam hal ini.
- Dasar sosioekonomi mempunyai impak besar dalam kehidupan manusia. Penglibatan wanita dalam membuat

Pembangunan modal insan atau sumber manusia mula dianggap sebagai salah satu elemen penting pembangunan.

dasar, perancangan, pelaksanaan, serta sebagai penterjemah dasar kepada realiti membolehkan pencapaian pembangunan yang lebih mapan. Menyedari hakikat ini, PBB meningkatkan tumpuan kepada isu keterlibatan wanita dalam pembangunan.

- Sudah banyak negara yang menggalakan wanita terlibat penuh dalam program pembangunan ekonomi serta terlibat langsung dalam proses membuat dasar.

Mengetepikan sumbangan wanita dan keluarga dalam agenda pembangunan negara akan melahirkan dasar yang tidak sempurna dan akhirnya menjejaskan matlamat yang disasarkan. Hal ini diperakui oleh PBB dan agensi di bawahnya yang sekarang giat melaksanakan Program Kerjasama Teknikal dalam banyak negara di dunia. Negara Nordic umpamanya dalam semua Program Bantuan Ekonomi dan Teknikal dengan negara Dunia Ketiga sentiasa memastikan pelaksanaan program kesaksamaan gender tidak diketepikan.

Penyertaan Wanita dalam Pembangunan

Penyertaan wanita dalam semua aspek pembangunan sama ada sebagai pembuat

PROFIL

AHLI Majlis Tertinggi UMNO ini berasal dari Pulau Pinang dan merupakan penganalisis ekonomi yang disegani di negara ini.

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi pada 1972, dari Universiti Malaya. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Perhubungan Ekonomi Antarabangsa pada 1982 di International Institute of Paris Public Administration, Perancis. Pada tahun yang sama beliau juga memperoleh Ijazah Sarjana Ekonomi Antarabangsa dan Kewangan dari Universiti Paris I, Pantheon-Sorbonne, Perancis. Kemudian di universiti yang sama pada 1986, beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Ekonomi Antarabangsa dan Kewangan

dasar, pelaksana, atau aset pengeluaran menyempurnakan falsafah pembangunan yang berteraskan pembangunan modal insan.

Kajian terkini peranan wanita dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan menunjukkan bahawa sumbangan dan penyertaan wanita semakin meningkat. Peningkatan ini merupakan trend semula jadi yang tidak dapat dielakkan berikutan perubahan landskap sosioekonomi dunia yang semakin berasaskan ilmu sebagai aset pengeluaran tanpa mengambil kira faktor gender.

Apabila mengupas peranan wanita dalam pembangunan sosioekonomi, prinsip yang harus dipegang ialah wanita sebagai modal insan dan aset pengeluaran yang penting. Bagi ahli ekonomi, dalam konteks sekarang potensi ekonomi wanita harus dieksploitasi sepenuhnya dan bukan mengeksploitasi wanita sebagai entiti sosial.

Peranan wanita sebagai aset ekonomi yang penting dalam pembangunan sosioekonomi negara diperuntukkan dalam Bab 13 di bawah teras kedua Misi Nasional

Peningkatan ini merupakan trend semula jadi yang tidak dapat dielakkan berikutan perubahan landskap sosioekonomi dunia yang semakin berasaskan ilmu sebagai aset pengeluaran tanpa mengambil kira faktor gender.

Antarabangsa.

Selain terlibat dalam politik, beliau berpengalaman luas menerajui syarikat korporat di negara ini. Antaranya beliau pernah menjadi Pengurus Komunikasi Esso Production Malaysia Inc. (1988-1990), Pengarah Urusan Ishak Hamid & Associates Sendirian Berhad (1990-1991), Ketua Perwakilan Credit Lyonnais Representative Office Malaysia (1991-1998), Pengerusi Angkasaraya Development Berhad (2000-2003), Pengerusi Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (2000-2002), Pengerusi Alcatel Network System (M) Sendirian Berhad (2003-2005), Pengerusi Penang Bridge Sendirian Berhad (2005-kini), dan Pengerusi Eksekutif Embunaz Ventures Sendirian Berhad (2003-kini).

RMK-9. Kerajaan memberikan nilai sewajarnya kepada wanita sebagai "jantung" ekonomi di negara ini. Namun, apabila diperhaluskan perenggan demi perenggan dalam Bab 13 ini didapati bahawa degupan jantung tadi belum cukup kuat. Sungguhpun diperakui bahawa hasrat kerajaan menghargai peranan wanita dalam ekonomi baik dan tepat, terdapat kelemahan dalam strategi pelaksanaan yang akan menidakkan pencapaian. Perkara yang sangat dikhuatiri sekarang ialah dalam masyarakat yang didominasi oleh kaum lelaki, budaya yang diwarisi masih melihat wanita sebagai kaum yang "lemah".

Pengenalan RMK-9

Sebelum membincangkan secara terperinci peranan wanita dalam RMK-9, sewajarnya difahami dahulu falsafah, matlamat, dan semangat RMK-9.

Matlamat utama RMK-9 ialah mencapai perpaduan nasional dengan berlandaskan perkara berikut:

- Mengukuhkan asas ekonomi untuk fasa kedua Wawasan 2020.
- Memperkenalkan Misi Nasional dengan lima teras utama.

Lima Teras Utama Misi Nasional:

- Meningkatkan ekonomi dalam rantaian

nilai yang lebih tinggi.

- Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama.
- Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.
- Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup.
- Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan negara, menubuhkan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang lebih cekap.

RMK-9 memperkenalkan enam strategi ekonomi makro dengan matlamat untuk meningkatkan dan memperkukuh daya tahan ekonomi negara ke arah pertumbuhan mapan. Enam strategi tersebut ialah:

- Mencapai kadar pertumbuhan yang menggalakkan di samping mengekalkan asas ekonomi yang kukuh.
- Memperkukuh daya saing untuk mengekalkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan.
- Meningkatkan sumbangan sektor swasta dan menarik Pelaburan Terus Asing (FDI) yang berkualiti.
- Menggalakkan pembangunan sumber pertumbuhan baharu dalam sektor pertanian, pembuatan, dan perkhidmatan serta meluaskan ekonomi berasaskan

pengetahuan.

- Meninggikan kecekapan modal dan produktiviti buruh.
- Mengekalkan pengurusan fiskal yang pragmatik dan dasar kewangan yang bersesuaian bagi menyokong aktiviti dalam negeri.

Antara matlamat sosioekonomi yang terpenting ialah mendekatkan jurang perbezaan dalam pendapatan dan pembangunan. Misi merapatkan jurang ini merangkumi:

- Antara sektor, untuk mencapai pertumbuhan seimbang.
- Antara kaum.
- Intra kaum.
- Antara wilayah.
- Bandar dan luar bandar.

Mungkin sewajarnya semua pihak harus berfikir mendekatkan jurang perbezaan yang keenam iaitu jurang perbezaan gender.

Kerajaan memberikan nilai sewajarnya kepada wanita sebagai "jantung" ekonomi di negara ini.


Tempat untuk Wanita dalam RMK-9

Sebelum mengenal pasti peruntukan dan program untuk wanita dalam RMK-9, terlebih dahulu diperturunkan data, statistik, dan petunjuk sosiopolitik dan ekonomi tentang wanita, iaitu:

- Wanita meliputi 48.7 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia (26.75 juta orang).
- 45.7 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk Malaysia ini ialah tenaga buruh.
- 36.7 peratus daripada jumlah tenaga buruh tersebut ialah tenaga buruh wanita.
- Penyertaan tenaga buruh wanita di Malaysia antara tertinggi di dunia (Sweden, 77 peratus, Denmark, 75 peratus, Switzerland, 74 peratus).
- Jangka hayat wanita di negara ini ialah 76.4 tahun berbanding dengan 70.6 tahun untuk lelaki.
- Purata pendapatan wanita ialah RM2330 (Bumiputera, RM1920, Cina, RM3200, India, RM2300)
- Purata pendapatan wanita mengikut tahap pendidikan (2004):
 - Rendah : RM1999
 - Menengah : RM2660
 - Elit : RM4020
- Lebih daripada 65 peratus orang pelajar universiti ialah wanita, tetapi 80 peratus



DATO' DR. NORRAESAH semasa memberikan ucapan utama dalam Dialog *Dewan Masyarakat* baru-baru ini.



BANYAK wanita yang terlibat dalam sektor perindustrian.

daripadanya menjadi penganggur.

Emolumen wanita dalam pendidikan:

- Peringkat rendah dan menengah: 55 peratus
- Peringkat matrikulasi dan menengah atas: 67 peratus
- Universiti awam: 65 peratus (tetapi yang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan kedoktoran, 40 peratus)
- Jumlah wanita dalam pembuatan dasar ialah 10.1 peratus daripada jumlah keseluruhan Ahli Parlimen (sebagai perbandingan, Sweden, 45.3 peratus, Denmark, 38 peratus Jerman, 32.2 peratus, Singapura, 16 peratus).
- Ahli Dewan Negara, 33.3 peratus.

RMK-9 mengetengahkan pelbagai strategik untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pembangunan sosioekonomi negara. Pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk membolehkan wanita memaksimumkan potensi mereka dan dijadikan rakan kongsi sepenuhnya dalam pembangunan.

Berikutan itu, segala kekangan perun-

Pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk membolehkan wanita memaksimumkan potensi mereka dan dijadikan rakan kongsi sepenuhnya dalam pembangunan.

dangan dan institusi yang menghindari penglibatan wanita dalam ekonomi dikaji semula. Jaringan pendidikan dan latihan kemahiran untuk wanita diperluaskan. Sejar dengan komitmen yang dibuat di Persidangan Beijing 1995, kerajaan negara ini berikrar untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam proses membuat dasar.

Sembilan teras strategik disusun bagi meningkatkan kemajuan wanita dalam RMK-9:

Aspek Ekonomi

- Menggalakkan peningkatan penyertaan

wanita dalam tenaga buruh.

- Meningkatkan peluang pendidikan dan latihan.
- Meningkatkan penyertaan dalam perniagaan dan aktiviti keusahawanan.

Sosial dan Kualiti Hidup

- Membaiki taraf kesihatan dan kesejahteraan wanita.
- Mengurangkan keganasan terhadap wanita.
- Mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup.

Perundangan dan Institusi

- Mengkaji semula undang-undang dan peraturan bagi meningkatkan taraf wanita.
- Mengukuhkan jentera nasional dan keupayaan institusi.
- Menyuarakan isu wanita di peringkat antarabangsa. ■

Makalah ini berasaskan teks ucapan utama yang disampaikan oleh Datuk Dr. Norraesah Mohamad dalam Dialog Dewan Masyarakat (Siri 1), pada 30 Mei 2006, bertempat di Dewan Seminar, Menara Dewan Bahasa dan Pustaka.